

Integrasi Penggunaan Teknologi Pelbagai Media oleh Guru Pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan

(The Integration of Use of Multimedia Technology among Islamic Education Teacher in the Kelantan Islamic Foundation Secondary School)

*MUHAMMAD ZULAZIZI MOHD NAWI, AZMIL HASHIM, NORHISHAM MUHAMAD
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan teknologi pelbagai media dalam kalangan guru pendidikan Islam di maahad Yayasan Islam Kelantan di seluruh negeri Kelantan. Kajian ini melibatkan 127 orang guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam, Pendidikan al-Quran dan as-Sunah, Pendidikan Syariah Islamiah, dan Tasawwur Islamiah. Secara umumnya, kajian ini adalah kajian kuantitatif dan instrumen kajian yang digunakan ialah dalam bentuk set soal selidik yang telah dibina serta disemak oleh panel rujukan pakar. Tahap kebolehppercayaan alfa Cronbach bagi semua bahagian dalam borang soal selidik ialah tinggi (>0.9). Data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 25 untuk mendapatkan kekerapan (frekuensi), peratus, min, interpretasi, dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan teknologi pelbagai media berada pada tahap sederhana tinggi ($M=3.03$, $SP=.940$). Analisis inferensi mendapati perbezaan yang signifikan bagi penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan pengalaman mengajar ($p=0.030$, $p<.05$) dan intensiti penggunaan laptop ($p=0.031$, $p<.05$). Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak maahad, guru dan pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK) dalam menambah baik dan berusaha ke arah penyediaan guru yang boleh mengintegrasikan teknologi pelbagai media dengan baik agar tugas selaku pendidik dapat dijalankan dengan cemerlang.

Kata kunci: Teknologi pelbagai media, pengajaran dan pembelajaran, guru Pendidikan Islam, maahad

Abstract

This study aimed to identify the use of multimedia technology among Islamic education teachers in the Kelantan Islamic Foundation secondary school throughout the state of Kelantan. The study involved 127 teachers who taught the subject of Islamic education, Quranic and as-Sunnah education, Islamic Shariah Education, and Tasawwur Islamiah. Generally, this study is a quantitative study and the instrument used is in the form of a set of questionnaires that have been developed and reviewed by a panel of experts. Cronbach's alpha reliability for all sections of the questionnaire was high (>0.9). The data were analyzed descriptively using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 25 to obtain frequency, percentage, mean, interpretation, and standard deviation. The findings show that the use of multimedia technology is at a moderate level ($M=3.03$, $SP=.940$). Inference analysis revealed significant differences in the use of multimedia technology based on teaching experience ($p=.030$, $p<.05$) and laptop usage intensity ($p=.031$, $p<.05$). This study is expected to assist the teachers and the Kelantan Islamic Foundation (YIK) in improving and working towards the provision of teachers who can integrate multimedia technology so that their work as educators can be performed well.

Keywords: Multimedia technology, teaching and learning, Teacher of Islamic Education, secondary school

Received: July 29, 2020; **Accepted:** August 29, 2020; **Published:** October 20, 2020

© 2020 PKS. All rights reserved.

*Corresponding author: zulazizi0902@gmail.com

PENDAHULUAN

Teknologi pelbagai media sememangnya diakui sebagai alat sebaran maklumat termasuklah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menurut Muhammad Zulazizi (2020), teknologi pelbagai media dalam PdP adalah satu reka bentuk mesej atau komunikasi yang mengaplikasikan penggunaan teknologi canggih. Maka, suatu pendekatan keberkesanan teknik mengajar berkonsepkan *Beyond Schools and Beyond Borders* (melangkaui sekolah dan sempadan) sangat diperlukan oleh guru Pendidikan Islam bagi membuka komposisi baharu ke arah kecemerlangan dalam pengajaran mereka sekali gus memacu kejayaan lebih gemilang. Merujuk kepada situasi dunia sekarang, Rafiza dan Maryam (2017) menyatakan, potensi penggunaan kandungan teknologi pelbagai media dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dilihat mampu memberikan kelebihan kepada guru serta warga pengajar Pendidikan Islam bagi membantu pelajar berinteraksi dengan kandungan pembelajaran. Kira-kira hampir 62 peratus daripada peningkatan permintaan tinggi bagi akses internet dan teknologi yang berasaskan teknologi pelbagai media pada tahun 2015 (Nor Hanisah, 2016). Justeru, dengan penggunaan teknologi pelbagai media, perkara ini merupakan satu langkah yang proaktif dan baharu bagi menyediakan proses pengajaran dengan pelbagai konsep, cepat serta mudah dalam pendidikan Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Melalui kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati tahap penggunaan perisian teknologi pelbagai media bagi PdP dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) masih berada pada tahap sederhana. Hal ini telah dinyatakan oleh Syed Najmuddin, Ab. Halim, Isahak, dan Mohd. Sabri (2008) bahawa, guru Pendidikan Islam kurang kreatif dalam pengurusan kelas seperti kurang kepelbagaian kaedah pengajaran (min=3.84), kurang penguasaan ilmu daripada sumber yang pelbagai (min=3.22), kurang prihatin kepada pelajar yang lemah (min=3.92), dan pengajaran berpusatkan pelajar sahaja (min=3.82). Kenyataan ini juga dipersetujui oleh Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010) melalui kajiannya, kegagalan para guru untuk melakukan perubahan melalui teknologi pengajaran disebabkan oleh beban tugas guru GPI yang dianggap sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada kegagalan guru menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berasaskan perisian pelbagai media. Menurut dapatan kajian Talirkodi (2016), nilai min pada item penggunaan ICT berada pada yang rendah (min=2.40) kerana terdapat banyak masalah dan kekurangan yang terjadi sama ada disebabkan faktor dalaman ataupun luaran seperti kekurangan masa, kekurangan prasarana ICT atau bantuan teknikal di sekolah, kekurangan tenaga mahir ICT dan kelembapan internet. Dapatan ini juga ada menunjukkan majoriti guru menyatakan mereka masih dalam belenggu ketakutan untuk menggunakan perisian teknologi pelbagai media dalam pengajaran dan pembelajaran mereka disebabkan faktor-faktor tersebut.

Seterusnya, antara faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca ketidakupayaan segelintir guru terhadap penggunaan teknologi pelbagai media ialah guru lemah dalam menguasai aspek penyampaian, kaedah pengajaran, penerapan dan penggunaan BBM secara efisien (Nur Syamira et al., 2017; Muhammad Nazir et al., 2017). Selain itu, ketidakupayaan sebilangan guru terhadap penggunaan teknologi pelbagai media juga dikenal pasti berpunca daripada penerimaan transformasi sepenuhnya terhadap sistem pembelajaran berkonsepkan maya kerana guru yang memiliki tahap kelayakan akademik yang tinggi mereka tidak mengaplikasikan penggunaan teknologi pelbagai media secara maya ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Shahfiezul & Fariza, 2017).

Pengkaji turut mendapati kesedaran dalam kalangan GPI terhadap penggunaan asas perisian teknologi pelbagai media masih berada di tahap yang sederhana. Perkara ini telah dinyatakan oleh Maimun Aqsha, Wan Nurul Syuhada', dan Mohd Isa (2017) di dalam kajiannya, penggunaan teknologi seperti komputer telah mencatat nilai min yang sederhana rendah (min=2.11) (Ab. Halim et. al., 2004). Tidak dinafikan bahawa,

peredaran masa dan ledakan teknologi menuntut GPI untuk bersikap positif dalam menggunakan pelbagai media atau teknologi maklumat sebagai sebahagian daripada BBM (Baharuddin & Nik Rahimi, 2008).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengenal pasti penggunaan teknologi pelbagai media dalam kalangan guru Pendidikan Islam di maahad Yayasan Islam Kelantan.
2. Untuk mengenal pasti perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan demografi guru Pendidikan Islam.

SOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah penggunaan teknologi pelbagai media dalam kalangan guru Pendidikan Islam di maahad Yayasan Islam Kelantan?
2. Apakah perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan demografi guru Pendidikan Islam?

HIPOTESIS KAJIAN

- H₀₁ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan jantina.
H₀₂ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media mengikut lokasi mengajar.
H₀₃ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan tingkatan mengajar.
H₀₄ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan matapelajaran mengajar.
H₀₅ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan pengalaman mengajar.
H₀₆ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan penggunaan laptop.
H₀₇ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan kelayakan akademik.
H₀₈ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan ikhtisas perguruan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan dengan penggunaan teknologi pelbagai media dalam bidang pendidikan telah berterusan dalam beberapa tahun yang lalu. Suhirman (2015) menyatakan pemanfaatan teknologi pelbagai media dalam pembelajaran pendidikan agama Islam ke dalam sistem pendidikan abad ke-21 kini memerlukan pembelajaran yang lebih efektif khususnya melibatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap serta merangsang kognitif, perasaan, perhatian serta motivasi pelajar, sehingga proses pembelajaran menjadi lebih terarah dan tersusun. Tambah pengkaji lagi, teknologi pelbagai media linear adalah suatu teknologi yang tidak dilengkapi dengan alat kawalan apa pun yang dapat diuruskan oleh pelajar. Teknologi pelbagai media ini perlulah dilengkapi teknologi pelbagai media interaktif agar dapat bertindak sebagai *remote control* yang dapat dikawal oleh pengguna khususnya dalam pendidikan. Penggunaan aplikasi rangkaian sosial dalam kalangan pelajar politeknik dari hasil kajian Abdul Halim dan Mohd Najib (2016) jelas menunjukkan terdapat keperluan bagi rangkaian sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Wechat*, *Whatsapp*, dan sebagainya berdasarkan nilai min keseluruhan iaitu 4.06 terhadap aktiviti sosial dan 4.01 terhadap peranan pembelajaran. Hal ini menunjukkan alat rangkaian sosial boleh menolong pelajar dalam menentukan pembelajaran. Kedua-dua faktor iaitu faktor teknologi pelbagai media dan alat rangkaian sosial sangat

bermanfaat digunakan oleh pendidik bagi membimbing pelajar mendapatkan bahan pembelajaran mereka sebagaimana yang diperlukan

Sementara itu, kajian Mohd Mahzan, Abdul Razaq, dan Nur Syazwani (2016) berkaitan penggunaan teknologi pelbagai media dalam pendidikan Sejarah pada abad ke-21 dan hubungannya dengan minat belajar Sejarah. Kajian ini telah dijalankan di Sarawak melibatkan 120 orang pelajar tingkatan empat dan dapatan nilai korelasi Pearson dalam kajian ini jelas menunjukkan, wujudnya hubungan antara penglibatan pelajar dalam penggunaan sumber pelantar teknologi pelbagai media dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa, strategi pembelajaran dapat membantu pelajar menguasai pembelajaran secara dua hala dan menggalakkan pembelajaran aktif pelajar melalui aktiviti membaca, menyelesaikan masalah dan menganalisis yang seterusnya mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik serta dapat menggalakan minat pelajar untuk belajar

Shah Rulbani, Mohd Isa, dan Khadijah (2017) dalam kajiannya "Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan" menunjukkan tahap penggunaan ICT yang tinggi dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam manakala dari sudut penggunaan ICT dengan pengalaman mengajar pula tidak terdapat perbezaan signifikan. Pengkaji membuat penelitian berkenaan dengan CIDOS dan perkara ini juga perlu ditambah baik supaya pengajaran serta pembelajaran tidak hanya dijalankan di bilik-bilik kuliah sahaja supaya iklim e-learnig dapat diwujudkan.

Di samping itu, Siti Zulaidah, Mohamed Nor Azhari, dan Mai Shihah (2017) dalam kajiannya "Trend Pembelajaran Menggunakan Multimedia Interaktif dalam Bidang Pendidikan Teknikal: Satu Sorotan Literatur" menerangkan corak penggunaan teknologi pelbagai media interaktif pembelajaran secara konseptual dalam pengajian teknikal antara tahun 1900 sehingga 2013. Perkara ini menjadi gambaran dan asas utama bagi memberikan panduan selain dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kajian ini jelas menunjukkan penggunaan teknologi pelbagai media dalam kurikulum sesuatu subjek atau mata pelajaran sepatutnya diuraikan bagi mengetahui secara khusus kesesuaian teknologi pelbagai media yang digunakan tersebut. Natijahnya, penggunaan teknologi pelbagai media dalam pendidikan sangat diperlukan agar objektif pendidikan yang menfokuskan kepelbagaian BBM dapat digapai dengan sempurna.

METODOLOGI KAJIAN

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif secara deskriptif. Data kuantitatif diperoleh melalui kaedah tinjauan dan analisis inferensi. Reka bentuk kajian ini menunjukkan penggunaan teknologi pelbagai media dan perbezaannya berdasarkan demografi guru Pendidikan Islam di maahad Yayasan Islam Kelantan. Data kuantitatif dalam kajian ini juga diperolehi melalui soal selidik kerana menurut Robson (1988), soal selidik sangat sesuai digunakan dalam kaedah deskriptif (tinjauan). Jadi, pengkaji telah memilih untuk mengguna pakai teknik mengutip data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan sampel terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian. Skala Likert sangat sesuai digunakan untuk mengukur sesuatu reaksi yang diberikan oleh sampel pada aspek tertentu secara berterusan tentang suatu kelakuan, pandangan dan tingkah laku (Cohen et al., 2000). Berdasarkan instrumen kajian ini, sampel diminta untuk memberikan jawapan mereka dengan menanda mana-mana nombor dan menyatakan jawapan mereka terhadap skala persetujuan jenis Likert iaitu 'Sangat Tidak Setuju' yang diberi skor (1) hingga kepada 'Sangat Setuju' yang diberi skor (5).

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Penentuan kesahan muka dan kandungan (Content Validation Index, CVI) instrumen soal selidik dapat dilakukan apabila panel rujukan dilantik. Panel rujukan bagi kajian ini terdiri daripada tiga orang yang mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam bidang masing-masing iaitu Pendidikan Islam, Pendidikan ICT dan teknologi pelbagai media bagi memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka. Kebolehpercayaan sentiasa merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman bagi sesuatu konstruk (pembolehubah utama) item serta sesuatu indikator (pembolehubah kecil) dalam sub item (Creswell, 2002, 2005, 2010; Pallant, 2001; Sekaran, 1992). Dalam konteks kajian ini, darjah kejituan dalaman bagi instrumen diperoleh dengan menggunakan nilai alfa berdasarkan pekali *koeffisien Cronbach*. Hasil analisis menunjukkan, kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam kajian ini ialah 0.936 berada pada aras yang sangat tinggi. Justeru instrumen ini boleh digunakan dalam kajian sebenar.

RESPONDEN KAJIAN

Kajian ini dilakukan ke atas guru-guru Pendidikan Islam tingkatan satu hingga tingkatan enam yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam (PI), Pendidikan al-Quran dan as-Sunah (PQS), Pendidikan Syariah Islamiah (PSI), dan Tasawwur Islam (TI) di Maahad YIK di seluruh negeri Kelantan. Populasi sebenar guru adalah seramai 198 orang guru yang dipilih secara rawak mudah dari lima daerah di negeri Kelantan bagi mewakili sekolah-sekolah di bawah kelolaan YIK di negeri Kelantan. Rasional pemilihan persampelan secara rawak mudah ini bersesuaian kerana populasi yang dikaji tidak seragam iaitu terdiri daripada pelbagai latar belakang dan jantina yang berbeza. Bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya ralat atau ketidaktekalan persampelan maka pengkaji menetapkan jumlah populasi 200 dengan bilangan saiz sampel yang dipilih adalah 127 orang. Oleh itu, pengkaji yakin saiz sampel guru yang dipilih adalah sesuai untuk kajian ini kerana jumlah ini bertepatan dengan saiz yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970)

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA KAJIAN

Dalam proses pengumpulan data kajian, pengkaji menyediakan soalan soal selidik yang diadaptasi dan diubah suai daripada beberapa kajian lampau yang disesuaikan dengan teori dan objektif kajian ini. Sebelum itu, item-item soalan ini telah ditunjukkan kepada penyelia pengkaji dan selepas itu disemak dan disahkan oleh tiga orang pakar dalam Pendidikan Islam dan ICT. Selepas itu, pengkaji juga mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di beberapa buah sekolah di setiap daerah negeri Kelantan yang dipilih secara rawak dengan berjumpa terlebih dahulu pengetua setiap sekolah dan mengemukakan surat kebenaran dari Bahagian Pengurusan YIK serta surat menjalankan kajian dari Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) supaya proses mengumpul data soal selidik dengan guru-guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Syariah Islamiah, pendidikan al-Quran dan as-Sunnah dan Tasawwur Islam berkaitan dapat dijalankan dengan mudah serta beretika. Setelah mendapat kebenaran daripada pengetua setiap sekolah, pengkaji berjumpa dengan guru-guru yang mengajar subjek terbabit di bilik guru. Walau bagaimanapun, ada sesetengah pengetua sekolah berkenaan memberikan kerjasama dengan menghantar wakil (guru penolong kanan, kaunselor atau kerani sekolah) untuk mendapatkan bancian soal selidik dari guru-guru. Pengkaji akan tunggu di tempat kajian selama 10 minit hingga 15 minit untuk mendapatkan kembali soal selidik berkenaan. Semasa tempoh pengumpulan data, kadang-kadang terdapat masalah seperti kekangan masa, kewangan, kenderaan dan faktor kesihatan pengkaji sendiri. Walau bagaimanapun, proses pengumpulan data dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, sepanjang kajian ini, pengkaji mengambil masa sekitar lima hari bermula 7 Oktober 2018 hingga 11 Oktober 2018. Semua data yang dikutip oleh pengkaji akan dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam perisian SPSS Version

25 untuk dianalisis bersesuaian dengan kerangka teori kajian dan kerangka konseptual kajian serta objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

ANALISIS KAJIAN

Proses penganalisaan data kuantitatif ini dibuat secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences Version 25*. Item-item yang berbentuk negatif akan dikod semula (jika ada) bagi menyatakan bentuk sebenar semasa analisis data dibuat. Tatacara pengumpulan data mentah yang diperoleh daripada responden dianalisis dan dibincangkan dalam bentuk statistik deskriptif yang memperlihatkan kekerapan (frekuensi), peratusan, min, interpretasi dan sisihan piawai merujuk kepada rumusan dalam penulisan Stufflebeam (1971) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Interpretasi min dimensi tingkah laku afektif

Nilai Min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.01-2.00	Rendah

Sumber: Stufflebeam (1971)

Analisis inferensi digunakan untuk mendapatkan inferens daripada statistik sampel bagi populasi kajian. Dalam kajian ini, analisis inferensi dilakukan menggunakan prosedur Ujian *t* Sampel Tidak Bersandar, Ujian ANOVA Sehala, dan ujian *Post hoc Scheffe* untuk menguji aras signifikan skor min bagi pembolehubah bebas yakni demografi guru

DAPATAN KAJIAN

PROFIL GURU

Berpandukan Jadual 2 di bawah, didapati jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini berjumlah 127 orang guru. Berdasarkan jantina responden, seramai 57 (44.9%) orang guru lelaki dan 70 (55.1%) orang guru perempuan. Aspek pola lokasi mengajar guru turut menunjukkan seramai 79 (62.2%) orang guru mengajar di bandar dan sebahagian kecil lagi iaitu 48 (37.8%) orang guru mengajar di luar bandar. Seterusnya, aspek tingkatan mengajar pula, seramai 19 (15.0%) orang guru mengajar di tingkatan satu, 28 (22.0%) orang guru mengajar di tingkatan dua, 25 (19.7%) orang guru mengajar di tingkatan tiga, 27 (21.3%) orang sampel mengajar di tingkatan empat, 25 (19.7%) orang guru mengajar di tingkatan lima dan akhir sekali tiga (2.4%) orang guru mengajar di tingkatan enam. Pengkhususan subjek Pendidikan Islam (PI) seramai 69 (54.3%) orang guru, diikuti Pendidikan al-Quran dan as-Sunah (PQS) 22 (17.3%) orang guru, Pendidikan Syariah Islam (PSI) 26 (20.5%) orang guru dan Tasawwur Islam seramai 10 (7.9%) orang guru. Terdapat 46 (36.2%) orang guru menyatakan mereka berpengalaman mengajar kurang dari 10 tahun. Begitu pula 46 (36.2%) orang guru yang lain, mereka telah mengajar dalam lingkungan 10 hingga 20 tahun. Bagi yang mengajar melebihi 20 tahun adalah 35 (27.6%) orang guru. Seramai 103 (81.1%) orang guru menggunakan laptop kurang daripada tiga jam berbanding 19 (15.0%) orang guru dan 5 (3.9%) orang guru yang menggunakan laptop lebih daripada 6 jam. Seramai 2 (1.6%) orang guru berkeelayakan STPM, 2 (1.6%) orang guru untuk STAM, 16 (12.6%) orang guru menunjukkan kelayakan diploma, 104 (81.9%) orang guru adalah ijazah sarjana muda dan master ialah 3 (2.4%) orang guru. Seramai 87 (68.5%) orang guru memiliki ikhtisas perguruan. Ini merupakan bilangan tertinggi yang diperoleh, sedangkan yang tidak mempunyai ikhtisas adalah seramai 40 (31.5%) orang guru.

Jadual 2. Profil guru

Item		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	57	44.9
	Perempuan	70	55.1
Lokasi Mengajar	Bandar	79	62.2
	Luar Bandar	48	37.8
	Tingkatan 1	19	15.0
	Tingkatan 2	28	22.0
Tingkatan Mengajar	Tingkatan 3	25	19.7
	Tingkatan 4	27	21.3
	Tingkatan 5	25	19.7
	Tingkatan 6	3	2.4
Pengkhususan Subjek	Pendidikan Islam		
	Pendidikan al-Quran dan Sunah	69	54.3
	Pendidikan Syariah Islamiah	22	17.3
	Tasawwur Islam	26	20.5
		10	7.9
Pengalaman Mengajar	Kurang dari 10 tahun	46	36.2
	10 hingga 20 tahun	46	36.2
	Lebih dari 20 tahun	35	27.2
Penggunaan Laptop	Kurang daripada 3 jam	103	81.1
	3 hingga 6 jam	19	15.0
	Lebih daripada 6 jam	5	3.9
Kelayakan Akademik	STPM	2	1.6
	STAM	2	1.6
	Diploma	16	12.6
	Ijazah Sarjana Muda	104	81.9
	Master	3	2.4
Ikhtisas Perguruan	Ada	87	68.5
	Tiada	40	31.5

PENGUNAAN TEKNOLOGI PELBAGAI MEDIA DALAM KALANGAN GPI

Taburan analisis deskriptif bagi penggunaan teknologi pelbagai media dalam kalangan responden ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah. Sebanyak 10 item telah dianalisis bagi memberi gambaran tentang aras nilai min penggunaan teknologi pelbagai media yang sebenar. Secara keseluruhannya, penggunaan teknologi pelbagai media terhadap peribadi responden berada pada aras sederhana tinggi (min=3.03, s.p=.940). Analisis nilai min secara mendalam terhadap 10 item ini menunjukkan terdapat tiga tahap nilai item berada aras tahap sederhana tinggi dan tujuh item berada di aras sederhana rendah. Tiga jenis item tentang penggunaan teknologi pelbagai media yang menggapai aras tinggi itu ialah kod item C4 "Saya menggunakan bahan visual dengan meminta pelajar melaksanakan tunjukkan berkenaan berdasarkan pemerhatiannya" (min=3.08, s.p=1.110) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 37%, kod item C9 "Saya menggunakan perisian teks untuk menyediakan nota untuk pelajar" (min=3.42, s.p=1.072) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 55.8% dan kod item C10 "Saya menggunakan perisian teks untuk menyediakan latihan untuk pelajar" (min=3.50, s.p=1.030) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 57.5%.

Walau bagaimanapun, sebanyak tujuh item penggunaan teknologi pelbagai media yang mencapai nilai min pada aras sederhana rendah iaitu kod item C1 "Saya memberi

penerangan topik pengajaran menggunakan animasi" (min=2.82, s.p=1.101) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 28.2%, kod item C2 "Saya memberi penerangan topik pengajaran berserta contoh berpandukan animasi" (min=2.81, s.p=1.125) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 26%, kod item C3 "Saya menggunakan bahan visual untuk menunjuk cara sesuatu perlakuan dalam pengajaran" (min=3.00, s.p=1.091) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 32.3%, kod item C5 "Saya menggunakan bahan anotasi persembahan untuk simulasi pengajaran" (min=2.91, s.p=1.072) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 29.9%, kod item C6 "Saya menggunakan bahan anotasi persembahan dalam pengajaran bagi memberi gambaran kepada pelajar tentang situasi sebenar" (min=2.94, s.p=1.067) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 29.1%, kod item C7 "Saya menggunakan perisian audio untuk merangsang kognitif pelajar" (min=2.92, s.p=1.044) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 27.5%, kod item C8 "Saya menggunakan perisian audio untuk memudahkan pelajar mengingat fakta-fakta rumit dalam silibus pengajaran" (min=2.94, s.p=1.075) dengan purata peratusan responden guru menyatakan sangat setuju dan setuju 30.7%.

Jadual 3. Penggunaan teknologi pelbagai media (N=127)

Kod Item	Item	Kekerapan dan Peratusan					Min	S.P	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS			
C1	Beri penerangan topik guna animasi	17 (13.4)	32 (25.2)	42 (33.1)	29 (22.8)	7 (5.5)	2.82	1.101	Sederhana Rendah
C2	Beri penerangan topik berserta contoh guna animasi	19 (15.0)	28 (22.0)	47 (37.0)	24 (18.9)	9 (7.1)	2.81	1.125	Sederhana Rendah
C3	Guna visual untuk penunjukcara	14 (11.0)	23 (38.6)	49 (38.6)	31 (24.4)	10 (7.9)	3.00	1.091	Sederhana Rendah
C4	Guna visual dan minta pelajar buat tunjukcara	14 (11.0)	20 (15.7)	46 (36.2)	36 (28.3)	11 (8.7)	3.08	1.110	Sederhana Tinggi
C5	Guna anotasi persembahan untuk simulasi	15 (11.8)	27 (21.3)	47 (37.0)	31 (24.4)	7 (5.5)	2.91	1.072	Sederhana Rendah
C6	Guna anotasi persembahan untuk situasi sebenar	13 (10.2)	28 (22.0)	49 (38.6)	28 (22.0)	9 (7.1)	2.94	1.067	Sederhana Rendah
C7	Guna perisian audio untuk rangsang kognitif	15 (11.8)	22 (17.3)	55 (43.3)	28 (22.0)	7 (5.5)	2.92	1.044	Sederhana Rendah
C8	Guna perisian audio untuk pelajar mudah ingat	16 (12.6)	22 (17.3)	50 (39.4)	32 (25.2)	7 (5.5)	2.94	1.075	Sederhana Rendah
C9	Guna perisian teks untuk sediakan nota	9 (7.1)	15 (11.8)	32 (25.2)	56 (44.1)	15 (11.8)	3.42	1.072	Sederhana Tinggi
C10	Guna perisian teks untuk sediakan latihan	7 (5.5)	13 (10.2)	34 (26.8)	56 (44.1)	17 (13.4)	3.50	1.030	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan							3.03	0.940	Sederhana Tinggi

Justeru, dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan teknologi pelbagai media berbentuk perisian teks untuk menyediakan latihan dan nota merupakan jenis pelbagai media yang sering digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan penggunaan teknologi pelbagai media berbentuk visual dan meminta pelajar melakukan tunjuk cara seperti yang dipertontonkan sering dilakukan oleh guru kepada pelajarannya. Guru sangat kurang memberi penerangan topik pengajaran berserta contoh menggunakan animasi dalam pengajaran. Manakala amalan menggunakan anotasi persembahan untuk simulasi dan situasi sebenar amat kurang diberikan penekanan oleh guru. Guru juga amat kurang menggunakan perisian audio untuk merangsang kognitif dan supaya pelajar mudah ingat.

PERBEZAAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI PELBAGAI MEDIA BERDASARKAN DEMOGRAFI GURU

H₀₁ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan jantina

Jadual 4. Ujian-t perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan jantina

Pembolehubah	Jantina	N	Min	SP	Nilai <i>t</i>	Sig. (<i>p</i>)
Penggunaan	Lelaki	57	3.17	0.983	1.596	.113
	Perempuan	70	2.91	0.892		

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

Analisis ujian-t seperti dalam Jadual 4 di atas menunjukkan secara keseluruhannya didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p = .113$, $p > .05$) bagi penggunaan teknologi pelbagai media antara guru lelaki (min=3.17, s.p=.983) dengan guru perempuan (min=2.91, s.p=.892). Maka, H₀₁ adalah diterima.

H₀₂ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media mengikut lokasi mengajar

Jadual 5. Ujian-t perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media mengikut lokasi mengajar

Pembolehubah	Lokaliti	N	Min	SP	Nilai <i>t</i>	Sig. (<i>p</i>)
Penggunaan	Bandar	79	3.04	.958	.242	.809
	Luar Bandar	48	3.00	.918		

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

Analisis ujian-t seperti dalam Jadual 5 di atas menunjukkan secara keseluruhannya didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p = .809$, $p > .05$) bagi penggunaan teknologi pelbagai media antara sekolah bandar (min=3.04, s.p=.958) dengan sekolah luar bandar (min=3.00, s.p=.918). Maka, H₀₂ adalah diterima.

H₀₃ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan tingkatan mengajar

Jadual 6. ANOVA Sehala perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan tingkatan mengajar

	JKD	DK	MKD	F	Sig. (<i>p</i>)
Antara kumpulan	3.097	5	.619	.692	.630
Dalam kumpulan	108.241	121	.895		
Jumlah	111.338	126			

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

Hasil analisis varians sehala seperti dalam Jadual 6 di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p = 0.630$, $p > .05$) bagi penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan tingkatan mengajar. Oleh itu, H₀₃ adalah diterima.

H₀₄ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan matapelajaran mengajar.

Hasil analisis varian sehala seperti dalam Jadual 7 di bawah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p = .832$, $p > .05$) bagi penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan mata pelajaran mengajar. Oleh itu, H₀₄ adalah diterima.

Jadual 7. ANOVA perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan matapelajaran mengajar

	JKD	DK	MKD	F	Sig. <i>p</i>
Antara kumpulan	.785	3	.262	.291	.832
Dalam kumpulan	110.552	123	.899		
Jumlah	111.338	126			

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

H₀₅ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan pengalaman mengajar

Jadual 8. ANOVA Sehalu perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan pengalaman mengajar

	JKD	DK	MKD	F	Sig. <i>p</i>
Antara kumpulan	6.139	3	3.069	3.618	.030*
Dalam kumpulan	105.199	124	.848		
Jumlah	111.338	126			

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

Hasil analisis varian sehalu seperti dalam Jadual 8 di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($p = .030$, $p < .05$) bagi penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan pengalaman mengajar. Oleh itu, H₀₅ adalah ditolak. Bagi mengenal pasti perbezaan skor antara kumpulan pilihan yang berbeza, satu ujian *post-hoc Scheffe* telah dijalankan. Dapatan ujian tersebut dipaparkan dalam jadual 11 seperti berikut:

Jadual 9. Ujian Post-hoc Scheffe perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan pengalaman mengajar

Pengalaman Mengajar	N	Min	Kurang dari 10 tahun	10 hingga 20 tahun	Lebih dari 20 tahun
Kurang dari 10 tahun	35	3.25		.186	.552
10 hingga 20 tahun	46	3.06	-.186		.365
Lebih dari 20 tahun	46	2.70	-.552	-.365	

Berdasarkan ujian Post-hoc *Scheffe* yang telah dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan skor antara kumpulan pengalaman mengajar yang berbeza seperti dalam Jadual 9 di atas, menunjukkan skor min perbezaan yang signifikan antara 'kurang dari 10 tahun' dengan 'lebih dari 20 tahun' ($p = .031$, $p < .05$). Skor min 'kurang dari 10 tahun' (min=3.25) lebih tinggi berbanding '10 hingga 20 tahun' (min=3.06) dan 'lebih dari 20 tahun' (min=2.70).

H₀₆ Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan penggunaan laptop.

Jadual 10. ANOVA Sehalu perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan penggunaan laptop

	JKD	DK	MKD	F	Sig. (<i>p</i>)
Antara kumpulan	6.070	2	3.035	3.575	.031*
Dalam kumpulan	105.268	124	0.849		
Jumlah	111.338	126			

* Signifikan pada aras $p < .05$

Hasil analisis varian sehalu seperti dalam Jadual 10 di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($p=0.031$, $p<0.05$) bagi penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan penggunaan laptop. Oleh itu, H_{06} adalah ditolak. Bagi mengenalpasti perbezaan skor antara kumpulan keputusan yang berbeza, satu ujian *post-hoc Scheffe* telah dijalankan. Dapatan ujian tersebut dipaparkan dalam jadual 11 seperti berikut:

Jadual 11. Ujian *Post-hoc Scheffe* perbezaan penggunaan multimedia berdasarkan penggunaan laptop

Intensiti Penggunaan Laptop	N	Min	Kurang daripada 3 jam	3 hingga 6 jam	Lebih daripada 6 jam
Kurang dari 3 jam	103	2.92		-0.592	-0.391
3 hingga 6 jam	19	3.52	0.592		0.201
Lebih dari 6 jam	5	3.32	0.391	-0.201	

Berdasarkan ujian *Post-hoc Scheffe* yang telah dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan skor antara kumpulan 'intensiti penggunaan laptop' yang berbeza seperti dalam Jadual 11 di atas, menunjukkan skor min perbezaan yang signifikan antara 'kurang dari 3 jam' dengan '3 hingga 6 jam' ($p=.039$, $p<.050$). Skor min terhadap 'intensiti penggunaan laptop' bagi '3 hingga 6 jam' (min=3.52) lebih tinggi berbanding 'lebih dari 6 jam' (min=3.32) dan 'kurang dari 3 jam' (min=2.92).

H_{07} Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan kelayakan akademik.

Jadual 12. ANOVA Sehalu perbezaan penggunaan multimedia berdasarkan kelayakan akademik

	JKD	DK	MKD	F	Sig. (p)
Antara kumpulan	3.706	4	.927	1.050	.384
Dalam kumpulan	107.632	122	.882		
Jumlah	111.338	126			

*Signifikan pada aras $p<0.05$

Hasil analisis varians sehalu seperti dalam Jadual 12 di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($p=.384$, $p>.05$) bagi penggunaan multimedia berdasarkan 'kelayakan akademik'. Oleh itu, H_{07} adalah diterima.

H_{08} Tidak terdapat perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan ikhtisas perguruan.

Jadual 13. Ujian-*t* perbezaan penggunaan multimedia berdasarkan ikhtisas perguruan

Pembolehubah	Ikhtisas Perguruan	N	Min	SP	Nilai t	Sig. (p)
Penggunaan	Ada	87	3.02	.996	-.062	.950
	Tiada	40	2.04	.816		

*Signifikan pada aras $p<.05$

Analisis ujian-*t* seperti dalam Jadual 13 di atas secara keseluruhannya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi penggunaan multimedia berdasarkan ikhtisas perguruan guru ($p=.950$, $p>.05$) sama ada dari aspek ada ikhtisas ($M=3.02$, $SP=.996$) atau tiada ikhtisas ($M=2.04$, $SP=.816$). H_{08} adalah diterima

PERBINCANGAN

PENGUNAAN TEKNOLOGI PELBAGAI MEDIA DALAM KALANGAN GPI

Kelemahan yang dapat diperolehi daripada dapatan kajian ini ialah penggunaan teknologi pelbagai media kerana min keseluruhan hanya melepasi paras minimum ($M=3.03$, $SP=.940$) bagi tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan penggunaan multimedia dalam pengajaran Pendidikan Islam di maahad-maahad Kelantan merupakan perkara yang memerlukan pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan. Menurut Nor Fadila dan Kai Wan (2010) penggunaan teknologi pelbagai media dalam matapelajaran memberikan kesan yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru. Kamarul Azmi (2011) pula menambah guru-guru Pendidikan Islam memerlukan suatu anjakan paradigma baharu bagi memenuhi tuntutan kecemerlangan diri seperti yang dikehendaki dalam Islam. Mereka juga perlu menguasai pelbagai kemahiran yang bukan sahaja berkaitan dengan ilmu Islam bahkan mereka memerlukan pambinaan dalam pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran khususnya kemahiran menggunakan multimedia. Jika ditelusuri dengan lebih mendalam berkenaan dengan dapatan kajian ini, penggunaan teknologi pelbagai media seperti penerangan topik pengajaran melalui animasi ($M=2.82$), penerangan topik pengajaran dengan contoh-contoh menarik melalui animasi ($M=2.81$), paparan visual tunjukcara ($M=3.00$), simulasi berpanduan persembahan anotasi ($M=2.91$), simulasi mengikut situasi sebenar berpanduan persembahan anotasi ($M=2.94$), penggunaan perisian audio untuk perkembangan pemikiran ($M=2.92$) dan penggunaan perisian audio untuk hafalan ($M=2.94$) adalah berada pada aras sederhana rendah. Hal ini menunjukkan kebanyakan guru pendidikan Islam tidak menjadikan atau kurang memberikan penekanan terhadap penggunaan teknologi pelbagai media sebagai kaedah utama menyampaikan pengajaran mereka. Seharusnya kaedah pengajaran dimodenkan kerana para pelajar sekarang telah didedahkan dengan pelbagai teknologi dan aplikasi. Bertepatan dengan pandangan Mohd Mahzan, Abdul Razaq dan Nur Syazwani (2016) yang menyatakan jika amalan konvensional secara tradisional dalam pengajaran dengan berbantuan teknologi lama masih diteruskan menyebabkan pelajar bertindak pasif dalam pembelajaran sehinggakan mereka tidak mampu menguasai segala maklumat yang disampaikan oleh guru. Kenyataan ini juga disokong oleh Azwani et al. (2013) dalam penulisan Nur Syamira et al. (2017) yang menjelaskan menjadi tanggungjawab guru dalam menentukan bahan bantu mengajar yang menarik dan berkreaitiviti bagi memastikan keberkesanan ilmu yang disampaikan terhadap pelajar. Oleh itu, pengajaran guru Pendidikan Islam di Maahad-maahad di Kelantan perlu diperbaiki dari sudut pengintegrasian teknologi pelbagai media dalam pengajaran di bilik darjah.

PERBEZAAN PENGUNAAN TEKNOLOGI PELBAGAI MEDIA BERDASARKAN DEMOGRAFI GURU

Dapatan kajian tentang perbezaan penggunaan teknologi pelbagai media berdasarkan pengalaman mengajar menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi bilangan tahun mengajar. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 10 tahun ($\min=3.25$) mempunyai penggunaan teknologi pelbagai media yang lebih tinggi berbanding guru yang mengajar antara 10 hingga 20 tahun ($\min=3.06$) dan juga guru yang berpengalaman lebih dari 20 tahun ($\min=2.70$). Dapatan ini disokong dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Msila (2015) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan teknologi pelbagai media dengan bilangan pengalaman mengajar di mana pengalaman mengajar yang kurang dari 10 tahun adalah lebih tinggi berbanding 10 hingga 20 tahun dan lebih dari 20 tahun. Begitu juga dengan kajian Othman dan Lukman (2011) mendapati penggunaan teknologi pelbagai media bagi guru yang mengajar kurang dari 10 tahun adalah lebih tinggi daripada guru yang mengajar 10 hingga 20 tahun dan lebih daripada 20 tahun. Hal ini jelas memperlihatkan pengaplikasian penggunaan teknologi pelbagai media sering dilakukan oleh pendidik muda kerana guru yang baharu berkhidmat sudah

semestinya mempunyai keyakinan dan lebih bermotivasi berbanding guru yang sudah lama berkhidmat dalam mengaplikasikan elemen-elemen multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Azura dan Sabariah (2014) mengesan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi penggunaan teknologi pelbagai media terhadap pengalaman mengajar. Bagaimanapun, hasil kajian yang dilakukan pengkaji adalah bertentangan dengan dapatan kajian Shah Rulbani, Mohd Isa dan Khadijah (2017) turut mendapati penggunaan teknologi pelbagai media oleh pendidik yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun lebih tinggi berbanding daripada pendidik yang berpengalaman kurang daripada 10 tahun dan 10 hingga 20 tahun.

Dapatan kajian tentang perbezaan penggunaan guru terhadap teknologi pelbagai media berdasarkan intensiti penggunaan laptop menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Hal ini membuktikan penggunaan guru terhadap teknologi pelbagai media berbeza mengikut jumlah masa yang mana masa antara 3 hingga 6 jam (min=3.52) lebih tinggi berbanding masa kurang daripada 3 jam (min=2.92) dan lebih daripada 6 jam (min=3.32) yang digunakan. Dapatan ini disokong dengan dapatan kajian Christina @ Nur Qistina dan Hazman (2010) yang mendapati seramai 90.8% orang guru menyatakan mereka banyak meluangkan berjam-jam mendalami sesuatu penggunaan teknologi pelbagai media bagi menerapkannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan kajian Schrum (2005) yang mendapati sebanyak 73% guru yang mengajar di sekolah memperuntukan masa sekurang-kurangnya satu jam bagi mengimplementasikan teknologi pelbagai media ke dalam pengajaran dan pembelajaran mereka pada setiap hari. Kebanyakan guru sanggup menghabiskan masa rehat atau cuti di rumah sendiri semata-mata untuk menggunakan teknologi pelbagai media (Talirkodi, 2016). Sebaliknya pandangan Slaouti dan Barton (2007) menyatakan perbezaan masa bagi penggunaan teknologi pelbagai media terjadi kerana terdapat halangan-halangan seperti kebolehcapaian terhadap teknologi, masalah pembahagian masa, kekerapan khursus multimedia kurang dijalankan dan masalah perkongsian penggunaan sesama rakan sejawatan.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi terhadap penggunaan teknologi pelbagai media, perubahan berbentuk inkremental perlu dilaksanakan iaitu perubahan yang berterusan yang sedia ada. Penggunaan teknologi pelbagai media iaitu bahan animasi pengajaran, bahan visual penerangan, bahan anotasi persembahan samada berbentuk simulasi ataupun situasi sebenar dan bahan perisian audio perlu dipertingkatkan serta proses pemurniaan juga seharusnya dilakukan. Selain daripada itu perisian teks turut memerlukan perubahan berbentuk inkremental. Walau bagaimanapun, proses pemurnian dan penambahbaikan ini memerlukan sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak termasuk pihak luar untuk memajukannya. Kajian ini secara umumnya berperanan dalam memberikan sumbangan kepada pihak yang terlibat dalam pengajaran Pendidikan Islam dengan menekankan penggunaan teknologi pelbagai media dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam. Berdasarkan maklumat dan data yang lengkap, pihak yang terlibat dengan pengajaran pendidikan Islam dapat mengatur langkah dan strategi ke arah mempertingkatkan kualiti kejayaan subjek-subjek pendidikan Islam tersebut. Kekurangan dan kelemahan yang telah dikenal pasti perlu diatasi dan diperbaiki seberapa segera dan kekuatan yang terdapat dalam penggunaan ini perlu dikekalkan di samping proses pemurniaan juga perlu dilakukan.

KESIMPULAN

Secara umumnya, penggunaan teknologi pelbagai media masih belum mencapai objektif pendidikan sebenar yang telah digariskan iaitu penggunaan animasi, visual, anotasi persembahan sebenar mengikut situasi atau simulasi sebenar, audio, dan teks. Dapatan

kajian jelas menunjukkan penggunaan perisian audio untuk menambahbaik atau merangsang kognitif pelajar dan penggunaan anotasi untuk situasi atau simulasi perlu diberi perhatian serius oleh guru-guru pendidikan Islam yang terlibat agar berperanan dalam meningkatkan kualiti dan mutu pengajaran dalam kelas.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ahmad & Mohd Najib Husin. (2016). Penggunaan aplikasi rangkaian sosial dalam kalangan pelajar Politeknik Kuala Terengganu. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 1-10. Retrieved from <http://myjms.moe.gov.my/index.php/PMJSSH/article/view/1275>
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. (2004). Keberkesanan kaedah pdp Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Projek Penyelidikan GG002/04. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azura binti Mohd Nor & Sabariah binti Sharif. (2014). Penggunaan bahan visual di kalangan guru teknikal. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)*. 5, 98, ISSN 1985-3637
- Azwani Ismail, Zahara Aziz & Sharifah Nor Puteh, S. (2013). *Peranan pendidikan pelbagai budaya dalam menyatupadukan murid*. Dlm. Zambri Mahamod, Jamalul lail Abdul Wahab & Mohammed Sani (Eds.) Transformasi Dan Inovasi Dalam Pendidikan: 139-154. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Baharuddin Shidki & Nik Rahimi. (2008). Cabaran Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dlm. Norazah Mohd Nordin & Mohamed Amin Embi (eds.). *Pengintegrasian ICT dalam Pendidikan, Penyelidikan, Amalan dan Aplikasi*: 47-62.
- Bryman, A. & Cramer, D. (1999). *Quantitative data analysis with SPSS Release 8 for Windows: A guide for social*. London: Routledge.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education*. 5th Edition, Routledge Falmer, London. <http://dx.doi.org/10.4324/9780203224342>
- Creswell, J. W. (2002). *Educational research - planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd Ed). New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research - planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd Ed.). New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Creswell, J. W. (2010). *Educational research - planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th Ed.). New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Christina Andin @ Nur Qistina Binti Abdullah & Hazman Bin Ali. (2010). *Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kalangan guru-guru sekolah kebangsaan*, 1-7. (Unpublished manuscript). Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/10521/>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2011). Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru in Seminar Pendidikan Islam at Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar on 30 Oktober 2011.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. SAGE, 30(3): 607-610.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan, & Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesiediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1-13
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib. (2016). Penggunaan Multimedia dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 7, 44-56.

- Muhammad Nazir Mohammed Khalid, Hafiza Ab Hamid, Mohd Firdaus Khalid, Mohammad Ashri Abu Hassan, & Muhammad Daoh. (2017). Kefahaman surah al-fatihah melalui permainan bahasa bermultimedia. *Journal of Education and Social Sciences*, 7(1), 316–325.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14–26. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/3770>
- Msila, V. (2015). Teacher Readiness and Information and Communications Technology (ICT) Use in Classrooms: A South African Case Study. *Creative Education*, 6, 1973–1981. <http://dx.doi.org/10.4236/ce.2015.618202>
- Nor Fadila Mohd. Amin & Kai Wan Chiew. (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Perisian Multimedia dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. (Unpublished manuscript). Jabatan Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/10488/>
- Nor Hanisah Kamaruzaman. (2016 November 14). Daripada bilik kuliah tradisional ke digital. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/node/181498>
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company
- Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony & Dedek Febrian. (2017). Kefahaman Al-Quran dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 41–53
- Othman Md. Johan & Lukman Dinyati. (2011). *Persepsi guru-guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan ICT untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran sekolah kebangsaan di daerah Kluang*. UNSPECIFIED, 1–8. (Unpublished manuscript). Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/11802/>
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual - a step by step guide to data analysis using SPSS for windows (version 10)*. Buckingham Open University Press.
- Rafiza Abdul Razak & Maryam Abdul Rahman. (2017). Pembinaan Media pengajaran berasaskan multimedia di kalangan guru ICTL. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2), 20–31. Retrieved from <https://juku.um.edu.my/article/view/7952>
- Robson, Collin. (1988). *Real World Research*. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Schrum, L. (2005). A Proactive Approach to a Research Agenda for Educational Technology, *Journal of Research on Technology in Education*, 37(3), 217–220, Doi: 10.1080/15391523.2005.10782434
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for bussiness: A skill-building approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid. (2016). Pengintegrasian blended learning dalam pembelajaran persekitaran maya frog (VLEFROG). In book: Pendidikan Abad ke-21: Peranan teknologi maklumat dan komunikasi serta cabarannya. Nabilah Othman, Chiang Wei Luan & Nurul Syaida Md Zuki (Eds). Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2017). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah pendidikan islam di politeknik zon selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 29–41.
- Slaouti, D., & Barton, A. (2007). Opportunities for practice and development: Newly qualified teachers and the use of information and communications technologies in teaching foreign languages in English secondary school contexts. *Journal of In-Service Education*, 33, 405–424.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53–64.

- Siti Zulaidah Salsidu, Mohamed Nor Azhari Azman & Mai Shihah Abdullah. (2017). Tren Pembelajaran Menggunakan Multimedia Interaktif dalam Bidang Pendidikan Teknikal: Satu Sorotan Literatur. *Sains Humanika*, 9(1-5), 135-141.
- Suhrman. (2015). Pemanfaatan teknologi multimedia dalam pembelajaran pendidikan agama Islam. *Madania*, 19(2), 215-224. doi: <http://dx.doi.org/10.29300/madania.v19i2.36>
- Stufflebeam, D. L. (1971). Education evaluation and decision making. Italia II: Peacock.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat. (2008). *Guru Bahasa Arab Terlatih di Sekolah: Satu Keperluan di Malaysia*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6: Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan, 555-569.
- Talirkodi A/P Vinathan. (2016). *Hubungan motivasi guru dengan penggunaan ICT dalam pengajaran di SJK (T) daerah Kuala Muda Yan*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia: 1043-1054.